

Aktiviti : Corporate Social Responsibility (CSR) Program Istiwa Adzam Rahmah 2025

Tarikh : 27 Mei 2025

Tempat : Dewan Kuliah Induksi (DKI), INSTUN

Bilangan Peserta: 80 Orang

Huraian Ringkas :

CSR Program Istiwa Adzam Rahmah 2025 anjuran bersama INSTUN dan Pejabat Pendidikan Daerah Muallim telah berjaya dilaksanakan pada 27 Mei 2025 secara fizikal/bersemuka dengan penyertaan seramai 80 orang guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Muallim. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penentuan arah kiblat dengan menggunakan kaedah bayang matahari (Istiwa Adzam). Para guru dan pelajar telah didedahkan secara teori dan praktikal dalam menentukan arah kiblat menggunakan bayang matahari.

Pada sebelah petang pula, para guru dan pelajar telah dibawa melawat ke Balai Cerap Tan Sri Harussni (TSHO). Aktiviti cerapan matahari di TSHO telah dapat dijalankan, para guru dan pelajar telah berkesempatan untuk melihat matahari dan tompok hitam matahari dengan dekat.

Secara keseluruhannya, CSR Program Istiwa Adzam Rahmah 2025 anjuran bersama INSTUN dan Pejabat Pendidikan Daerah Muallim ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Diharapkan ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan oleh para peserta.

